

02/08/2003

`Jangan marah orang luar buka kilang kraf'

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mahu peniaga tempatan mengubah cara pemikiran dan tidak menentang kemasukan orang luar untuk membuka kilang bagi membangunkan industri kraf di kawasan luar bandar.

Perdana Menteri berkata, sikap itu boleh menggagalkan usaha kerajaan untuk memajukan industri kampung secara lebih teratur menerusi pembukaan kilang kecil di kampung.

"Ada orang termasuk di kawasan saya yang menganggap ini (pembukaan kilang kecil di kampung) sebagai peluang perniagaan bagi orang yang ada modal. Mereka amat marah kalau orang asing atau orang luar memulakan industri itu di kawasan mereka.

"Tapi niat kita bukan untuk menjadikan ia satu pelaburan untuk individu tertentu. Kita hendak orang yang mampu mengurus, ada kewangan sedikit dan dengan cara ini mereka boleh tubuhkan kilang.

"Kilang ini akan memberi peluang kepada orang kampung bekerja. Jadi mereka akan mendapat gaji dan mungkin boleh mengambil bahagian saham dalam kilang kecil itu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas meninjau penghasilan produk kraf di Kompleks Kraf Kuala Lumpur, Jalan Conlay di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata agak malang kerana ada kapitalis tempatan menolak kemasukan orang luar untuk membangunkan kilang di kampung kerana mahu merebut sendiri peluang itu.

"Mereka kata `patut kami yang buat', tapi masalahnya `kami' (mereka) tak boleh buat.... itu yang susah," katanya.

Dr Mahathir berkata, apa yang menjadi masalah sekarang ialah soal pengurusan, sebab itulah kerajaan berharap dapat mewujudkan kilang kecil yang diurus oleh satu pihak.

Beliau berkata, jika mereka terus menjadikan penghasilan kraf sebagai kerja sambilan, tempahan tidak akan dapat dipenuhi.

"Dengan kerja mengikut disiplin masa bekerja di kilang, kita yakin kita boleh mengeluarkan barangan kraf lebih berkualiti, selain dapat menepati pesanan pelanggan," katanya sambil menambah Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia akan membantu dari segi pengeluaran, pemasaran, pembungkusan dan promosi barangan kraf yang dihasilkan kilang di kampung.

Dr Mahathir berkata, Malaysia boleh menghasilkan pelbagai kraftangan berkualiti tinggi tetapi masalah yang dihadapi ialah menghasilkannya secara besar-besaran.

"Permintaan pasaran adalah dalam jumlah yang besar dan sehubungan itu kerajaan menggalakkan penubuhan industri kecil bagi menampung permintaan ini.

"Kita berurusan dengan pasaran pengguna yang besar, dan kita tidak lagi boleh mengikut cara lama. Sebab kita perlukan kilang, sejajar dengan konsep `satu kampung, satu industri', dalam usaha membangunkan kawasan luar bandar," katanya.

Perdana Menteri memberi contoh, beliau pernah menerima tempahan 10,000 tongkat daripada seorang rakyat Amerika Syarikat selepas menunjukkan tongkat yang dibawanya dari Kubang Pasu, semasa melawat negara itu.

Bagaimanapun katanya, pembuat tongkat itu hampir pengsan apabila beliau menyatakan hasrat warga Amerika itu kerana dia hanya boleh membuat satu atau dua tongkat setahun.

"Masalah kita biasanya membabitkan kuantiti produk. Kita boleh buat satu

atau dua tetapi tidak mencukupi untuk pasaran," katanya.

Beliau juga berpuas hati dengan kejayaan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia menghasilkan semula beberapa sampel kraf daripada barangan kayu dan buluh, yang beliau bawa dari luar negara.

"Dalam masa tiga bulan hampir semua sampel yang saya bawa balik itu sudah dihasilkan semula. Saya yakin kita dapat menghasilkan produk yang sama kualiti, malah mungkin lebih baik dari segi reka bentuk berbanding produk luar negara," katanya.